

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JMS 511 - Sejarah Intelektual Islam

Masa: [3 jam]

ARAHAN

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.
2. Jawab EMPAT soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Di antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh umat Islam sejak dulu hingga sekarang ialah gerakan Zionisme atau Freemasonry. Kupaskan aspek-aspek cabaran ini dan kesan gerakannya. (25 markah)
2. Terdapat berbagai bentuk reaksi atau respons umat Islam terhadap cabaran Barat. Bahaskan bentuk-bentuk ini, serta pandangan anda terhadap bentuk tertentu yang dianggap lebih sesuai dan wajar. (25 markah)
3. Pemikiran Syah Waliullah lebih bercorak tradisional, tetapi kesannya terhadap kebangkitan gerakan reformasi juga tidak kurang besarnya. Jelaskan pernyataan ini. (25 markah)
4. Kemunduran umat Islam tidaklah dapat disalahkan kepada pihak musuh sahaja, tetapi lebih banyak kerana faktor kelemahan umat Islam sendiri. Bincangkan. (25 markah)
5. Gerakan reformasi yang dilancarkan oleh Muhammad bin Abdul Wahab banyak sekali mempengaruhi kebangkitan gerakan reformasi di dunia Islam. Menurut pandangan anda, apakah ciri-ciri utama gerakan "Wahabi" yang banyak menjadi sumber inspirasi tersebut. (25 markah)
6. Perjuangan Mustaffa Kemal Pasya mengandungi unsur-unsur konstruktif dan juga destruktif. Adakah anda bersetuju dengan pernyataan ini. (25 markah)
7. "The modernist outlook, on the other hand, was forward looking". (Hisham Sharabi). Bahaskan petikan ini dalam hubungannya dengan Wawasan 2020. (25 markah)
8. Gerakan tariqat tidak selalunya membawa sikap jumud. Jelaskan pernyataan ini dalam hubungannya dengan gerakan anti-penjajahan di Malaysia. (25 markah)

oooOooo